

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 OCTOBER 2016

# NSOF cermin ketegasan tangani isu keselamatan

BH - 28/10/2016

➔ Pasukan penggempur lawan keganasan di darat, laut dan udara hadapi sebarang krisis

Oleh Nazura Ngah  
nazura\_ngah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**asukan Operasi Khas Nasional (NSOF) yang dilancarkan semalam menjadi unit pertama seumpamanya di dunia yang memberi nilai tambah kepada pasukan keselamatan dalam menangani keganasan terhadap kepentingan negara.

NSOF bertindak sebagai pasukan penggempur melawan keganasan di darat, laut dan udara dalam menghadapi sebarang krisis yang mengancam kepentingan serta keselamatan negara.

Ia dibentuk hasil gabungan keanggotaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatku-

saan Maritim Malaysia (APMM) yang mewujudkan pasukan terlatih serta bertindak pantas menangani sebarang ancaman.

Idea penubuhan NSOF tercetus berikutan insiden dan ancaman keselamatan di mana dan pada bila-bila masa yang menuntut pasukan keselamatan meningkatkan kesiapsiagaan, keupayaan serta kebolehan anggota keselamatan.

Sebarang maklumat berhubung keganasan akan disalurkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) kepada Ketua Polis Negara dan Panglima Angkatan Tentera sebelum dirujuk kepada Perdana Menteri untuk tindakan lanjut dari segi mengatur gerak operasi NSOF.

## Tiada kompromi

Berucap melancarkan NSOF di Kem Perdana Sungai Besi di sini, semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, penubuhan NSOF mencerminkan komitmen, manifestasi ketegasan dan sikap kerajaan yang tidak berkompromi dalam soal keamanan serta keselamatan.

Beliau berkata, ia juga membolehkan kerajaan tidak bersikap 'apologetik' dalam mengambil langkah tegas dan berkesan tertakluk kepada Perlembagaan serta undang-undang negara.

Katanya, gabungan keanggotaan ATM, PDRM dan APMM mewujudkan pasukan terlatih bertindak pantas menangani ancaman keganasan terhadap kepentingan negara.

"NSOF menjadi pasukan pertama menggabungkan kekuatan laut, darat dan udara di dunia, kita sudah berjaya, negara lain tidak boleh buat," katanya.

Yang turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Peguam Negara, Tan Sri Apandi Ali.

## Pinjam anggota ATM, PDRM APMM

Sementara itu, Najib berkata, beliau bangga dapat menyaksikan penubuhan NSOF memabitkan anggota dipinjamkan daripada ATM, PDRM dan APMM yang pada awalnya hanya memiliki kekuatan 17 pegawai dan 170 anggota.

"Mereka sudah berlatih selama enam bulan dan akan ditempatkan di Kem Perdana Sungai Besi supaya mereka boleh diatur gerak pada bila-bila masa dalam waktu paling singkat.

"Penubuhan NSOF ini dimungulkan kerana kita ada pindaan Akta MKN bertujuan menjamin keselamatan negara, selain memudahkan operasi taktikal, sekali gus melindungi rakyat," katanya

## Info

### Pasukan Operasi Khas Nasional (NSOF)



- **Berpusat** di Kem Perdana Sungai Besi
- **Sebahagian** inisiatif keselamatan negara di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)
- **Dianggotai** 17 pegawai dan 170 anggota
- **Pasukan** bersepadu memabitkan ATM, PDRM dan APMM
- **Bertujuan** menangani keganasan di darat, laut dan udara
- **Kumpulan** pertama akan bertugas sekurang-kurangnya tiga tahun, manakala pasukan seterusnya dalam tempoh kurang dua tahun
- **Bertindak** sebagai *Quick Reaction Force* bagi membendung keganasan di peringkat awal
- **Operasi** bergantung kepada bentuk ancaman keganasan terhadap kepentingan dan keselamatan negara
- **Unit darat**, udara dan maritim akan diatur gerak sebagai kumpulan awal dan seterusnya akan menghadapi, menawan dan menghapus ancaman
- **Pada** masa sama, kumpulan sokongan akan membantu jika perlu
- **Selepas** ancaman diatasi, NSOF akan serahkan semula operasi kepada pasukan keselamatan berkenaan

### Tugas utama NSOF

- **Menawan** dan menghapuskan segala bentuk keganasan sama ada di daratan atau kawasan perairan negara
- **Menentukan** NSOF sentiasa berada dalam keadaan siap siaga untuk diatur gerak dengan pantas pada bila-bila masa bagi menangani ancaman
- **Melatih** secara berterusan melalui *Force Integration Training (FIT)* bagi meningkatkan kepakaran sebagai satu pasukan khusus
- **Menyediakan** pelan kontingensi untuk menangani semua ancaman negara

Fakta  
nombor

250 RAKYAT

Malaysia ditahan  
disyaki terbabit Daesh

32 RAKYAT

Malaysia terbabit Daesh  
terkorban di Syria dan Iraq